

AE015
Ekonomi 1
Semester 1
Sesi 2024/2025
2 jam

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN MATRIKULASI

SKEMA JAWAPAN PRA PSPM
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI
EKONOMI
(SET 3)

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

@ Kolej Matrikulasi Perak

ARAHAN KEPADA CALON:

Kertas soalan mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A mengandungi **3** soalan. **Bahagian B** mengandungi **4** soalan. Jawab **semua** soalan.

Jawapan bagi setiap soalan hendaklah ditulis pada buku yang disediakan.

Gunakan muka surat baharu bagi nombor soalan yang berbeza.

Markah penuh yang diperuntukan bagi tiap-tiap soalan atau bahagian soalan ditunjukkan dalam kurungan pada penghujung soalan atau bahagian soalan.

Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Bundarkan jawapan kepada dua titik perpuluhan.

BAHAGIAN A [30 markah]

Bahagian ini mengandungi 3 soalan. Jawab **semua** soalan.


1 **JADUAL 1** menunjukkan kombinasi pengeluaran barang X dan barang Y bagi sebuah negara.

JADUAL 1

Kombinasi	A	B	C	D	E
X (unit)	0	20	40	60	80
Y (unit)	100	90	70	40	0

Berdasarkan **JADUAL 1** di atas,

- a) Lakarkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) dengan menggunakan paksi mendatar untuk barang X dan paksi menegak untuk barang Y. [3 markah]



(Pintasan paksi X = 80 (1m) dan Y (100) = 1m, Bentuk keluk cembung = 1m)

- b) Nyatakan jenis kos lepas bagi KKP tersebut. [1 markah]

Kos lepas meningkat. (1m)

- c) Hitung jumlah kos lepas perunit sekiranya pengeluaran
i. barang X bertambah daripada 20 unit kepada 40 unit. [2 markah]

$$\frac{70 - 90}{40 - 20} \text{ (1m)} = - 1 \text{ unit barang Y (1m)}$$

- ii. Barang Y bertambah daripada 40 unit kepada 70 unit. [2 markah]

$$\frac{40 - 60}{70 - 40} \text{ (1m)} = - 0.67 \text{ unit barang X (1m)}$$

- d) Apakah yang akan berlaku sekiranya pengeluaran berada pada
i. 20 unit barang X dan 80 unit barang Y? [1 markah]

Berlaku pembaziran sumber atau ketakcekapan dalam pengeluaran. (1m)

- ii. 40 unit barang X dan 80 unit barang Y? [1 markah]

Pengeluaran tidak boleh dicapai dengan sumber yang sedia ada. (1m)

- 2 a) **JADUAL 2** di bawah menunjukkan kuantiti dua barang yang dibeli oleh Shahrul. Andaikan harga barang M RM8 dan harga barang N RM4 dan pendapatan RM52.

JADUAL 2

Kuantiti (Unit)	Jumlah Utiliti (util)	
	Barang M	Barang N
1	32	56
2	60	104
3	84	136
4	104	160
5	116	170
6	126	176
7	134	178

- i. Nyatakan syarat keseimbangan penggunaan barang M dan barang N oleh Shahrul. [1 markah]
 $MU_M/P_M = MU_N/P_N$ (1m)
 $P_M Q_M + P_N Q_N = I$ (1m)
 (pilih salah satu)
- ii. Hitung nilai utiliti sut per ringgit bagi setiap barang. [4 markah]

Kuantiti (Unit)	Utiliti sut peringgit	
	Barang M	Barang N
1	4	14
2	3.5	12
3	3	8
4	2.5	6
5	1.5	2.5
6	1.25	1.5
7	1	0.5

(2m) (2m)

- b) **JADUAL 3** menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran (TP).

JADUAL 3

Kuantiti Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
0	0
1	5
2	24
3	36
4	44
5	44
6	42

Berdasarkan JADUAL 3,

- i. Hitung kelaran purata (AP) dan keluaran sut (MP) bagi setiap unit buruh.[4 markah]


Kuantiti Buruh (unit)	AP (unit)	MP (unit)
0	-	-
1	5	5
2	12	19
3	12	12
4	11	8
5	8.8	0
6	7	-2

(2m) (2m)

- ii. Tentukan tingkat penggunaan buruh apabila hukum pulangan sut berkurangan bermula. [1 markah]

Selepas buruh ke 2 atau pada buruh ke 3. (1m)

- 3 **RAJAH 4** menunjukkan keluk kos sut (MC), kos purata (AC), kos berubah purata (AVC), hasil purata (AR) dan hasil sut (MR) bagi sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.



Berdasarkan **RAJAH 4**,

- a) Pada tingkat keseimbangan, hitung
i. jumlah hasil firma. [2 markah]

$$\begin{aligned}
 TR &= P \times Q \text{ atau } AR \times Q \\
 &= 15 \times 40 \text{ (1m)} \\
 &= \text{RM600 (1m)}
 \end{aligned}$$

- ii. jumlah kos tetap firma. [2 markah]

$$\begin{aligned}TC &= AFC \times Q \\ &= (20 - 12) \times 40 \text{ (1m)} \\ &= \text{RM320 (1m)}\end{aligned}$$

- iii. jumlah keuntungan firma. [2 markah]

$$\begin{aligned}&= TR - TC \\ &= 600 - (20 \times 40) \text{ (1m)} \\ &= -\text{RM200 (1m)}\end{aligned}$$

- b) Tentukan sama ada firma ini akan meneruskan operasi dalam jangka pendek. Berikan alasan. [2 markah]

Firma teruskan operasi. (1m)

Jumlah hasil RM600 dapat menutup semua TVC (RM480) (1m) atau

Kerugian meneruskan operasi (RM200) lebih kecil berbanding kerugian tutup operasi = TFC (RM320) (1m)

- c) Jelaskan pada tingkat harga manakah firma harus menutup operasinya. [2 markah]

Firma akan menutup operasi jika harga kurang dari daripada RM10. (1m)

kerana harga kurang daripada kos berubah purata ($P < AVC$) (1m)

BAHAGIAN B [50 markah]

Bahagian ini mengandungi 4 soalan. Jawab **semua** soalan.

- 1 a) Terangkan dua (2) faktor pengeluaran. [5 markah]

Buruh (1m)

Individu yang menawarkan tenaga secara mental dan fizikal. (1m)

Ganjaran upah atau gaji (1m)

Tanah (1m)

Sumber alam semulajadi yang merangkumi sumber di daratan, lautan dan dalam bumi. (1m)

(jawapan juga boleh usahawan dan modal. Huraian boleh definisi atau ganjaran)

b) Jelaskan dua (2) ciri pasaran monopoli.

[6 markah]

i) Penjual tunggal: (1m)

- sebuah firma tunggal menyebabkan firma mempunyai kuasa monopoli.
- Monopoli boleh menentukan harga atau keluaran, tetapi kedua-duanya tidak boleh dilakukan dalam waktu yang sama. (1m)
- Oleh kerana firma monopoli merupakan firma tunggal maka keluk permintaan industri monopoli sama dengan keluk permintaan firma monopoli. (1m)


ii) Tiada kebebasan keluar masuk: (1m)

- terdapat pelbagai sekatan untuk firma-firma lain memasuki pasaran seperti perlindungan undang-undang dan penguasaan sumber ekonomi. (1m)
- Keupayaan firma menghalang kemasukan firma baru menyebabkan kuasa monopoli dapat dikekalkan. (1m)
- Firma mendapat untung lebih normal dalam jangka panjang. (1m)

iii. Barang yang dikeluarkan tiada pengganti hampir (1m)

- Barang yang dihasilkan oleh firma monopoli tiada pengganti hampir. Kesannya pengguna tiada pilihan dan terpaksa membeli output yang dikeluarkan oleh firma monopoli sahaja. (1m)
- Kesan: keluk DD monopoli mencerun ke bawah dari kiri ke kanan bukan anjal sempurna seperti PPS. (1m)
(pilih dua sahaja)

- 2 a) Berbantuan rajah, terangkan hubungan antara keluk keluaran purata (AP) dengan keluaran sut (MP). [6 markah]



(rajah = 3 m)

- i. Apabila AP naik, MP sentiasa melebihi AP sebelum L_0 (1m)
 - ii. Apabila AP mencapai maksimum, $MP=AP$ pada L_0 (1m)
 - iii. Apabila AP menurun, MP sentiasa melebihi AP selepas L_0 (1m)
- b) Huraikan **tiga** (3) faktor ekonomi bidangan luaran yang menyebabkan keluk kos purata jangka panjang beralih ke bawah. [9 markah]

a. Ekonomi kemudahan infrastruktur (1m)

Pembangunan kawasan industri yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas dapat menjimatkan kos berbanding pembangunan firma di kawasan terpencil.

2m

b. Ekonomi pemusatan (1m)

Bekalan input lebih mudah diperoleh meliputi bahan mentah dan buruh di kawasan menjadi tumpuan industri

2m

c. Ekonomi bekalan buruh (1m)

Perkembangan industri menggalakkan pembangunan dan latihan sumber manusia – dapat bekalan buruh mahir dari institusi pengajian – menjimatkan kos melatih buruh

2m

d. Ekonomi integrasi (1m)


Firma mengurangkan kos dengan integrasi secara menegak (mengawal aktiviti hulu dan hiliran) dan mendatar (meningkatkan modal yang lebih banyak untuk mengembangkan operasi) 2m

e. Ekonomi teknologi maklumat (1m)

Firma menjalankan R&D menggunakan teknologi maklumat terkini, menggunakan kaedah pengeluaran yang lebih cekap. 2m

(pilih 3 sahaja. Fakta 1m, huraian 3 markah)

- 3 Berbantukan rajah yang sesuai, terangkan proses penyesuaian firma persaingan bemonopoli yang mendapat untung lebih normal dalam jangka pendek ke untung normal dalam jangka panjang. [10 markah]



Keseimbangan jangka pendek

- Pada asalnya keluk permintaan dan hasil sut ialah AR₀ dan MR₀. Firma mencapai keseimbangan pada titik E₀ di mana LMC = MR₀ iaitu pada tingkat harga P₀ dan kuantiti Q₀(1m).
- Firma memperoleh untung lebih normal sebanyak P₀ABC (1m) kerana jumlah hasil (0P₀AQ₀) melebihi jumlah kos (0CBQ₀) (1m).


Penyesuaian ke jangka panjang

- Untung lebih normal menarik kemasukan firma-firma baru ke dalam industri. Ini menyebabkan keluk permintaan firma beralih ke kiri iaitu dari AR_0 ke AR_1 kerana keluaran oleh firma semakin berkurang (1m).
- Ini juga menyebabkan keluk MR beralih ke kiri daripada MR_0 ke MR_1 (1m).

Keseimbangan jangka panjang

- Keseimbangan baru tercapai pada E_1 apabila $MR_1 = LMC$ pada tingkat harga P_1 dan kuantiti Q_1 (1m).
- Dalam jangka panjang firma hanya memperolehi untung normal sahaja apabila jumlah hasil = jumlah kos (OP_1DQ_1) (1m).

- 4 a) Berbantuan rajah, jelaskan mengapa pasaran persaingan sempurna dapat memperoleh kecekapan pengeluaran dan kecekapan peruntukan berbanding dengan pasaran monopoli. [10 markah]



Keseimbangan monopoli:

Tercapai pada E_0 apabila $MC = MR$ pada harga P_0 dan Q_0 (2m)

Pada $P_0 > LMC$ tidak mencapai kecekapan peruntukan sumber. (1m)

Beroperasi pada bahagian AC sedang menurun iaitu pada titik A, tidak mencapai kecekapan pengeluaran. (1m)

Keseimbangan PPS:


Tercapai pada E_1 apabila $MC = MR$ pada harga P_1 dan Q_1 (2m)

Pada $P_1 = LMC$ pada titik E_1 mencapai kecekapan peruntukan sumber. (1m)

Beroperasi pada bahagian AC minimum iaitu pada titik E_1 , mencapai kecekapan pengeluaran. (1m)

- b) Berbantuan rajah, terangkan bagaimana kerajaan mengawal monopoli dengan meletakkan harga sama dengan kos purata ($P = AC$) [4 markah]

i. Kawalan $P = AC$



Rajah: 2m

Sebelum kawalan kerajaan

- Titik keseimbangan firma pada E₀ ($MC=MR$) dengan tingkat harga pada P₀ dan kuantiti Q₀. Firma memperoleh untung lebih normal CP₀AB (1m).

Kawalan Kerajaan

- Kerajaan melaksanakan kawalan dengan syarat $P = AC$ iaitu pada titik E₁.
- Pada titik E₁, harga telah menurun daripada P₀ ke P₁. Kuantiti telah bertambah daripada Q₀ ke Q₁ (1m).